

08/08/2003

Jutawan bina resort di Pulau Tioman

KUANTAN: Seorang jutawan terkenal Malaysia dijangka melabur berjuta ringgit bagi membina resort bertaraf antarabangsa yang mengekalkan ciri alam semula jadi di Kampung Nipah, Pulau Tioman.

Lokasi pembinaan hotel dan resort bertaraf lima bintang itu kini sudah dikenal pasti dan perbincangan lanjut sedang diadakan dengan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) dan Kerajaan Pusat.

Sumber memberitahu Berita Harian, jutawan terbabit adalah antara pelabur terawal yang berada di Tioman sejak pulau itu diisytiharkan bebas cukai, 1 September tahun lalu.

"Apa yang menarik, pelabur itu sedia membina jalan raya menghubungi Kampung Genting di sebelah utara dan Kampung Mukut, di selatan.

"Kesanggupannya mengurangkan beban kerajaan bagi mewujudkan rangkaian jalan raya di pulau ini, apabila terbinanya lapangan terbang baru di Kampung Paya yang berhampiran," katanya semalam.

Difahamkan, beberapa lagi pelabur tempatan, termasuk dari negara jiran, turut berminat membina hotel dan resort di Tioman, terutama sebelah utara pulau itu.

Sumber itu berkata, pembinaan resort yang mempunyai pelbagai kemudahan itu, termasuk spa, akan menyaksikan persaingan sihat serta tawaran harga bilik yang lebih berdaya saing antara pengusaha hotel dan chalet di pulau itu.

"Lebih penting, konsep binaan resort itu tidak akan mengusik hutan atau menarah lereng berbukit. Oleh kerana Kampung Nipah adalah kawasan berteluk, pembinaan resort ini nanti mirip sebuah resort di Pulau Pangkor," katanya.

Ketika ini, daripada 250,000 pelancong yang melawat Tioman setiap tahun, 72 peratus adalah pelancong antarabangsa, sebahagian besarnya rakyat Singapura (48 peratus), United Kingdom (11 peratus), Jepun (10 peratus), Jerman (8 peratus) dan Australia (4 peratus).

Perubahan Tioman, yang diiktiraf antara 10 pulau tercantik di dunia, menjadi pulau bebas cukai ketiga selepas Pulau Labuan dan Langkawi, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu.